

WINA AQUEOUS CREAM

Cetomacrogol Emulsifying Wax/Liquid Paraffin/White Soft Paraffin (9.0% w/w/6.0% w/w/15.0% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan WINA AQUEOUS CREAM
2. Bagaimana WINA AQUEOUS CREAM berfungsi
3. Sebelum mengambil WINA AQUEOUS CREAM
4. Cara mengambil WINA AQUEOUS CREAM
5. Semasa menggunakan WINA AQUEOUS CREAM
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan WINA AQUEOUS CREAM
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

Apakah kegunaan WINA AQUEOUS CREAM

WINA AQUEOUS CREAM adalah krim dermatologi yang membantu melegakan, symptom kulit kering dan sebagai pengganti sabun untuk membersihkan kulit.

Bagaimana WINA AQUEOUS CREAM berfungsi

WINA AQUEOUS CREAM adalah krim emolient yang membantu meredakan, melembutkan dan melembapkan kulit kering.

Sebelum menggunakan WINA AQUEOUS CREAM

-Bila tidak boleh menggunakan

Produk ini tidak sesuai digunakan oleh individu yang mempunyai alahan terhadap sebarang bahan-bahan kandungan dalam produk ini.

Hamil dan menyusukan bayi

WINA AQUEOUS CREAM boleh digunakan untuk ibu hamil dan yang sedang menyusukan bayi.

- Sebelum menggunakan ubat ini

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil ubat ini, termasuk mana-mana yang anda

dapatkan tanpa preskripsi dari kedai farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan anda.

-Mengambil ubat-ubatan lain

Tiada sebarang masalah dilaporkan apabila produk ini digunakan bersama produk lain.

Cara menggunakan WINA AQUEOUS CREAM

-Berapa banyak harus diambil

Dewasa, kanak-kanak dan warga emas:

Untuk disapu pada kulit apabila diperlukan.

-Bila perlu diambil

Ambil seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Untuk digunakan pada kulit sahaja.

-Berapa lama perlu diambil

Teruskan pengambilan WINA AQUEOUS CREAM seperti yang dicadangkan oleh doktor anda. Jika gejala berterusan, dapatkan nasihat doktor anda.

-Jika terlupa mengambil

Gunakan sebaik sahaja anda teringat.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Kejadian overdos jarang berlaku jika digunakan seperti yang disyorkan. Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa telah termakan ubat ini. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan WINA AQUEOUS CREAM

-Perkara yang perlu dilakukan

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan WINA AQUEOUS CREAM.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan guna dos lebih daripada yang disarankan melainkan diberitahu oleh doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan guna sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi WINA AQUEOUS CREAM dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Tiada kesan sampingan terhadap kemampuan memandu atau menggunakan mesin.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, WINA AQUEOUS CREAM boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mengalaminya.

Jika kesan sampingan berterusan, jangan guna ubat ini dan rujuk doktor.

Beritahu doktor anda jika anda dapati mana-mana kesan sampingan berikut atau mengalami apa-apa kesan lain yang tidak disenaraikan:

- Tindak balas alahan
- Tindak balas kulit serta-merta apabila ditinggalkan sebagai emolien, seperti pedih, terbakar, gatal-gatal dan kemerahan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan WINA AQUEOUS CREAM

WINA AQUEOUS CREAM

Cetomacrogol Emulsifying Wax/Liquid Paraffin/White Soft Paraffin (9.0% w/w/6.0% w/w/15.0% w/w)

-Penyimpanan

Simpan dalam bekas tertutup rapat. Simpan di bawah 30°C. Lindungi daripada pembekuan, haba dan cahaya.

-Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Krim berwarna hampir putih, licin dan sekata.

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Liquid Paraffin (6.0 %w/w), Cetomacrogol Emulsifying Wax (9.0%w/w) dan White Soft Paraffin (15.0%w/w)

- Bahan-bahan tidak aktif

Methyl Paraben, Propyl Paraben dan Purified water.

-Nombor MAL

1. MAL15065027XZ
- 2.

Pengilang

1. KCK Pharmaceutical Industries Sdn. Bhd.

Plot 61, Bayan Lepas Industrial Park Phase 4, Lintang Bayan Lepas 1, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang, Malaysia.

2.KCK Pharmaceutical Industries Sdn. Bhd.

No. 5 & 7 Hala Beringin, Diamond Valley Industrial Park, 11960 Bayan Lepas, Pulau Pinang, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

KCK Pharmaceutical Industries Sdn. Bhd.

Plot 61, Bayan Lepas Industrial Park Phase 4, Lintang Bayan Lepas 1, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh kemaskini RIMUP

14/05/2025

Nombor Siri

NPRA(R2/1)230515/1067